

**MARS WRIGLEY**  
Foundation




YOUNG REPORTERS FOR THE ENVIRONMENT (YRE)

# LITTER LESS CAMPAIGN

## PANDUAN

PREPARED BY: GREEN GROWTH ASIA FOUNDATION



# ISI KANDUNGAN

<b>1</b>	<b>PENGENALAN KEPADA LITTER LESS CAMPAIGN</b>	01
	<i>Latar Belakang Kempen</i>	02
	<i>Konsep "Litter" dan "waste"</i>	03
	<i>Apa itu Litter Less Campaign?</i>	04
	<i>Objektif kempen</i>	04
	<i>Integrasi 4-Langkah YRE</i>	05
<b>2</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN KEMPEN</b>	06
	<i>Langkah 1: Penyiasatan</i>	07
	<i>Langkah 2: Cadangan Penyelesaian Masalah</i>	10
	<i>Langkah 3: Laporan</i>	12
	<i>Langkah 4: Penyebaran Maklumat</i>	14
	<i>Community Action Days</i>	15
<b>3</b>	<b>AKTIVITI PENGUKUHAN PENGETAHUAN</b>	16
	<i>Kuiz Pencemaran dalam talian</i>	17
	<i>Webinar</i>	18
	<i>Waste and Litter Lesson Plan</i>	19
<b>4</b>	<b>GLOBAL ACTION DAYS 2023</b>	20
<b>5</b>	<b>PERTANDINGAN KEWARTAWANAN YRE</b>	22

# PENGENALAN KEPADA LITTER LESS CAMPAIGN



# LATAR BELAKANG

## Kerjasama Yayasan Pendidikan Alam Sekitar (FEE), Yayasan Syarikat Mars Wrigley dan Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia (WOSM)

Kempen Litter Less merupakan hasil gabungan kerjasama idea Yayasan Mars Wrigley bersama Yayasan Pendidikan Alam Sekitar (FEE). Kempen ini telah dilaksanakan di seluruh dunia selama 11 tahun berturut-turut secara berfasa. Kempen ini menekankan kepentingan pengurusan sampah dan sisa yang betul dalam usaha mengurangkan impak negatifnya kepada alam sekitar.

Dengan penerimaan yang baik di peringkat global, kempen ini telah berjaya melibatkan lebih 4.8 juta murid daripada 28 negara sejak perlaksanaannya pada tahun 2011. Melalui usaha yang berterusan dalam kempen ini, kesannya murid-murid lebih cakna tentang literasi sampah dan sisa. Selain itu, kemahiran sepanjang hayat setiap murid dapat dibangunkan melalui kempen ini dengan usaha dan semangat mereka untuk belajar.

Pada tahun 2022, Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia (WOSM) telah dipelawa untuk menyertai pelaksanaan *Litter Less Campaign (LLC)* ini bagi memberi peluang ia dilaksanakan dalam konsep pendidikan tidak formal. Penglibatan unit pengakap dalam LLC akan memberi impak yang besar kepada matlamat kempen ini sendiri selaras dengan inisiatif mereka dalam mewujudkan kelestarian alam sekitar melalui interaksi komuniti.

## Perlaksanaan *Litter Less Campaign* mengikut format Program *Young Reporters for the Environment (YRE)*



Young Reporters  
for the environment  
Malaysia

Melalui pelaksanaan YRE, murid-murid diberi peluang untuk melaksanakan kajian yang mendalam tentang sesuatu isu alam sekitar yang dirasakan perlu diutarakan kepada umum. Program YRE sendiri mempunyai **metodologi 4-Langkah** yang dapat membantu murid-murid dalam melakukan penyiasatan, penyelidikan, pelaporan dan penyebaran maklumat tentang masalah sampah dan pengurusan sisa di sekolah mereka. Dengan itu, seluruh warga sekolah mahupun komuniti setempat akan sedar dan peka akan isu tersebut.

Penghasilan **bahan media seperti foto, video atau artikel bertulis** adalah sebahagian daripada proses program ini. Bahan-bahan media yang dihasilkan boleh digunakan untuk kempen media untuk meningkat kesedaran orang ramai di samping mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan.

# "LITTER" DAN "WASTE"

## Isu Sampah dan Pengurusan Sisa di Malaysia

### Pembuangan sampah negara meningkat 100.75 peratus



Muhammad Yuzi Muzamir · Januari 2, 2020 @ 3:56pm  
yuzi.muzamir@sh.com.my



PENGHASILAN sampah harian dalam kalangan rakyat di negara ini mencatat peningkatan 100.75 peratus kepada 38,142 tan pada tahun 2018, berbanding 19,000 tan pada 2005.

KUALA LUMPUR: Penghasilan sampah harian dalam kalangan rakyat di negara ini mencatat peningkatan 100.75 peratus kepada 38,142 tan pada tahun 2018, berbanding 19,000 tan pada 2005.

Berdasarkan angka dikeluarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), seorang rakyat dianggarkan menghasilkan 1.17 kilogram (kg) sampah sehari pada 2018, berbanding 0.8kg (2005).

Berdasarkan laporan sama, peratusan sisa plastik direkodkan meningkat 20 peratus pada 2018, berbanding 44.5 peratus daripada keseluruhan sampah adalah sisa makanan, manakala sisa plastik (13.2 peratus) dan lampin pakai buang (12.1 peratus), pada 2005.



mk BERITA

Angkatan Perkhidmatan Awam Malaysia Facebook

### Anggaran 14 juta tan sampah akan dikutip tahun ini

Muhammad Basir Roslan & Sakini Mohd Said  
Diterbitkan: Mar 10, 2022 9:51 AM · Dikemaskini: 10:54 AM

Selepas hampir tiga dekad kempen kitar semula dicanang di negara ini dalam usaha memastikan 40 peratus sisa buangan dapat digunakan semula pada 2025, ternyata sambutan masyarakat terhadap inisiatif itu masih rendah.

Statistik Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) menunjukkan pada tahun lepas, negara hanya merekodkan kadar kitar semula pada 31.52 peratus sedangkan kebanyakan negara maju mencatatkan sekurang-kurangnya 60 peratus.

Dianggarkan bahawa Malaysia akan menghasilkan **25,000 tan sampah setiap hari** yang mungkin berakhir di tempat pembuangan sampah dan berisiko untuk disalurkan ke sungai dan laut. Rahman et al., (2020). Kebergantungan kepada tapak pelupusan sampah dalam pengurusan sisa seharian akan menyebabkan ia menjadi terlalu padat. Besar kemungkinan, tiada lagi ruang di tapak pelupusan sampah untuk menampung sampah-sampah yang dihasilkan pada masa hadapan.

Selain itu, **tapak pelupusan sampah juga merupakan antara pengeluar terbesar gas rumah hijau (CO<sub>2</sub>)** yang boleh menyebabkan perubahan iklim dan pemanasan global. Kajian daripada Abdullah et al. (2019) menyimpulkan bahawa individu yang kekurangan pengetahuan alam sekitar akan menguruskan sampah yang mereka hasilkan dengan cara yang salah. Justeru, pendidikan awal terhadap isu ini patut diperluaskan bukan sahaja di peringkat universiti, malah seawal prasekolah dan sekolah rendah untuk mengurangkan risiko masa depannya.

### "Litter" dan "Waste"

"Litter" atau sampah yang berada di merata tempat adalah salah satu masalah alam sekitar yang mudah dikendalikan kerana ia boleh dilihat dengan mata kasar. Perubahan ketara dapat dilihat sekiranya satu pelan tindakan untuk mengatasinya dilaksanakan. Ianya semudah kutip dan buang di tempat yang betul. Pendidikan dan kesedaran adalah kunci untuk pengurusan sampah secara lestari.

# APA ITU LITTER LESS CAMPAIGN?

Satu galakkan untuk komuniti sekolah supaya mengambil tindakan yang holistik dalam membendung isu alam sekitar atau pencemaran yang berlaku di perkarangan sekolah mereka.

LLC bertujuan untuk memperkasakan golongan muda untuk mencari jalan penyelesaian dan membuat keputusan dalam menangani masalah sampah atau pencemaran di sekolah mereka. Melalui pelaksanaan kempen ini, murid-murid bakal didedahkan dengan banyak ilmu pengetahuan serta kemahiran tentang pengurusan sisa dan sampah secara luas dan menyeluruh.

## Pelajar dengan bantuan guru akan;

- Membuat kajian dan laporan tentang isu sampah dan pengurusan sisa di sekolah mereka
- Rancang dan laksanakan **kempen media** berdasarkan hasil dapatan kajian mereka tentang isu dipilih
- Bekerja dalam kumpulan dan menjadi tonggak dalam pelaksanaan "*proposed solution*"
- Mengajukan *Community Action Days*
- Menghasilkan karya media berbentuk foto, video atau artikel bertulis untuk tatapan umum
- Menyertai aktiviti-aktiviti sampingan dalam kempen untuk menambah ilmu pengetahuan tentang ilmu pengurusan sisa dan sampah

## OBJEKTIF KEMPEN

- 1 Untuk mengurangkan jejak sampah dan sisa dengan memperkuat pemahaman murid-murid tentang isu tersebut
- 2 Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal pelajar dalam pengurusan sampah bagi memupuk perubahan tingkah laku jangka panjang.
- 3 Untuk mengindahkan dan memperbaiki kawasan persekitaran sekolah dan/atau kawasan sekitarnya
- 4 Untuk mendidik golongan muda menjadi pemimpin dan warganegara yang aktif dalam menyuarakan dan melaksanakan penyelesaian kepada isu sampah dan pencemaran yang berlaku di negara kita.



# INTEGRASI 4-LANGKAH YRE

## Tentang *Young Reporters for the Environment (YRE)*

YRE merupakan satu jaringan antarabangsa yang memperkasa golongan muda untuk mengambil bahagian dalam pendidikan alam sekitar yang lestari. Matlamat utama program YRE adalah untuk menggalakkan golongan muda untuk membuat penyiasatan tentang isu alam sekitar, membuat kajian tentang jalan penyelesaiannya, melaporkan dan seterusnya menyebarkan maklumat tentang isu yang dipilih. Dengan itu, murid-murid akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

### 4-Langkah YRE



Melalui program YRE, kami dapat memanfaatkan minat pelajar terhadap teknologi dan menggunakannya sebagai elemen penting dalam sesuatu pendidikan kelestarian.

Program ini memberi peluang kepada anak muda untuk membicarakan isu-isu alam sekitar melalui **media penulisan, fotografi atau video**. Bertitik tolak daripada itu, program ini juga memperkasakan anak muda untuk menimba ilmu pengetahuan serta mengambil pendirian bagi isu-isu alam sekitar yang melibatkan diri mereka serta komuniti yang mereka duduki.



# LANGKAH- LANGKAH PERLAKSANAAN KEMPEN





# LANGKAH 1: PENYIASATAN



**1** Murid-murid dengan bimbingan guru akan mengenal pasti masalah dan isu berkenaan sampah dan pengurusan sisa di sekolah



**2** Maklumat boleh diperolehi melalui penyiasatan data dari sumber primer dan sekunder

**3** Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat atau mungkin terlibat dengan masalah tersebut (cth: warga sekolah)



**TIPS**

**Sumber Primer** adalah maklumat asas yang diperolehi sendiri oleh penyelidik melalui temu bual, pemerhatian, atau analisis dokumen. Manakala, **sumber sekunder** adalah maklumat yang diperolehi hasil tafsiran dan rumusan

**4** Melaksanakan kajian soal-selidik atau temubual dengan individu atau kumpulan warga sekolah tentang sikap mereka terhadap isu sampah dan pengurusan sisa di sekolah

**5** Kaitkan isu sampah yang berlaku di sekolah anda dengan isu alam sekitar berskala global (cth: Pencemaran, krisis iklim)

## BINCANGKAN

1. Adakah anda sedar akan masalah sampah di sekolah anda?
2. Apakah kategori sampah paling banyak terdapat di sekolah anda?
3. Adakah anda menjumpai banyak sampah yang bercampur bersama sisa yang boleh dikitar semula di sekitar kawasan sekolah anda?
4. Adakan warga sekolah anda melaksanakan pengasingan sampah mengikut kategori sebelum membuangnya?
5. Pandangan anda tentang usaha yang patut dijalankan bagi mengurangkan sampah-sampah tersebut?
6. Apakah cadangan tindakan yang dapat dimasukkan dalam pelaksanaan kempen media anda?

## BORANG AUDIT SISA

Kutip sampah di tempat yang telah ditetapkan dan rekodkan data dapatan anda di sini

TARIKH DAN MASA: \_\_\_\_\_

KAWASAN: \_\_\_\_\_

Jenis sisa	Data sisa (kg)	Sisa organik? (ya/tidak)
Sisa kertas		
Botol plastik		
Bungkusan plastik		
Penyedut minuman		
Tin Aluminium		
Sisa makanan		
Kotak		
Surat Khabar		
Kaca		
Sisa elektronik		
Lain-lain (senaraikan)		

## AMALAN SEMASA

Adakah warga sekolah anda mengamalkan aktiviti seperti di bawah? Isi kan jadual di bawah dan rancang tindakan penambahbaikan berdasarkan jawapan responden

Actions	Ya/Tidak	
Kami akan makan di tempat yang ditetapkan sahaja seperti di kantin		
Sekolah kami menggalakkan murid dan guru untuk membawa botol air sendiri ke sekolah		
Kami mempunyai peraturan sekolah yang berkaitan pengurusan sampah dan sisa		
Kami sentiasa mengingatkan rakan-rakan tentang kepentingan menjaga kebersihan sekolah		
Pihak kantin sekolah kami meminimalkan penggunaan pembungkus plastik		
Adakah anda tahu tentang pengasingan sisa dari sumber?		
Sekolah kami mempunyai kemudahan/fasiliti kitar semula yang baik		
Kami sentiasa membuat pengasingan sisa dari sumber		
Pihak sekolah mengenakan penalti kepada sesiapa sahaja yang membuang sampah di merata-rata tempat		

# LANGKAH 2: CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH



## Untuk menyelesaikan isu sampah di sekolah;

- 1** Murid-murid perlu membuat perbincangan tentang hasil daripada kajian mereka di langkah 1
- 2** Cadangkan tindakan - tindakan penyelesaian yang relevan untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah sampah dan pengurusan sisa di sekolah
- 3** Senaraikan kelebihan dan kekurangan atau isu yang boleh dikaitkan dengan jalan penyelesaian yang dicadangkan.
- 4** Pastikan jalan penyelesaian yang dipilih telah stabil dari segi data maklumat dan perlaksanaannya di peringkat global
- 5** Dapatkan maklumat dan pandangan dari warga sekolah atau pihak pentadbiran dalam melaksanakan tindakan penyelesaian tersebut
- 6** Pastikan cadangan tindakan tersebut mampu dilaksanakan dan dipersetujui oleh semua warga sekolah
- 7** Tentukan sasaran, kumpulan pelaksana, pelan tindakan dan sebagainya sebelum memulakan kempen

**Penyataan Masalah**

Blank area for stating the problem.

**Sasaran/Target**

Blank area for stating the target or goal.

**Pelan Tindakan**

Tindakan/Solusi	Siapa	Bila	Status



# LANGKAH 3: LAPORAN

**Laporan isu sampah di sekolah beserta penyelesaiannya hendaklah melalui penghasilan bahan journalistik**

## 1

### Kenal pasti audiens

Pastikan anda telah memilih siapa sasaran audiens anda. Pilih media yang terbaik untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat - iaitu media manakah yang mereka baca/tonton/dengar?

### Rancang cara untuk menyampaikan maklumat

Murid-murid perlu merancang bagaimana untuk melaporkan masalah dan penyelesaian yang dipilih kepada audiens- siapa yang perlu dimaklumkan? bagaimana? bila?) Gunakan format journalistik yang sesuai dan betul.

## 2

### Penghasilan bahan journalistik

## 3

Hasilkan bahan media journalistik seperti **foto, video atau artikel bertulis** yang mendokumentasikan isu sampah dan penyelesaiannya.

### TIPS



Dapatkan bimbingan guru bahasa untuk penghasilan artikel bertulis.





## SERTAI KURSUS KEWARTAWANAN YRE

Daftar di FEE Academy dan sertai pelbagai kursus dalam talian yang menarik terutamanya untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang kewartawanan.

### Environmental Journalism: Photography



In this course, you'll learn how to use photography as a powerful storytelling tool by going through each step of the YRE methodology (investigate, research solutions, report, and disseminate) in order to create an impactful photograph that raises awareness about an environmental issue you're passionate about.

**Time Required:** 6-8 Hours

**Target Group:** Young People, Ages 11-25

**Teacher:** [Reeza Hanselmann](#)

### Environmental Journalism: Writing



Words are powerful tool to bring about positive change which is why in this course you'll learn how to use them to write informative, engaging and effective journalistic articles about an environmental issue affecting your local environment. By going through the YRE methodology, you'll learn how to investigate and conduct research on your topic, do interviews, and create a well-structured and impactful journalistic article. The last step of the course is to share your final article to help raise awareness of the environmental issue you're passionate about!

**Time Required:** 8-10 Hours

**Target Group:** Young People, Ages 14-25

**Teacher:** [Reeza Hanselmann](#)

### Environmental Journalism: Videography



Come learn the basics of videography through the environmental lens of the Young Reporters for the Environment programme! This course will help you figure out WHAT you want to shoot, HOW to put your ideas onto the big screen and WHY film is a powerful tool to raise awareness about environmental issues and SOLUTIONS in your community. By the end of the course, you'll have created your very own short environmental film!

**Time Required:** 12-15 Hours

**Target Group:** Young People, Ages 15-25

**Teacher:** [Reeza Hanselmann](#)

Untuk menyertai kursus kewartawanan dalam talian ini, sila ke laman web [www.feeacademy.global](http://www.feeacademy.global) atau imbas QR code di sebelah

SCAN ME




# LANGKAH 4: PENYEBARAN MAKLUMAT

Kongsikan bahan media hasil daripada pelaksanaan kempen anda ke khalayak ramai. Gunakan pelbagai platform media seperti, media sosial, majalah sekolah, pameran dan sebagainya. Anda juga dialu-alukan untuk berkolaborasi dengan pihak stesen TV atau akhbar tempatan untuk kempen media anda.



Di media sosial, sila sertakan "hashtag" # berikut

#LitterLessCampaign  
 #LitterLessCampaignMY  
 #YREMalaysia  
 #FEE  
 #CommunityActionDays



# COMMUNITY ACTION DAYS

Satu program yang akan melibatkan **seluruh warga sekolah, komuniti setempat** atau **ibu bapa** untuk bersama-sama menjaga kebersihan sekolah atau kawasan sekitar.

## CONTOH AKTIVITI YANG DAPAT DILAKSANAKAN

- *Aktiviti Pembersihan* - clean-up
- *Plogging* - jogging and picking up litter
- *Photo Marathon* - peserta akan mengambil gambar mengenai subjek atau tema dalam tempoh masa yang ditetapkan
- *Bengkel atau seminar* - sebagai contoh, bengkel From Waste to Art, bengkel kitar semula, bengkel pengkomposan dsb.

## SIAPA YANG TERLIBAT?

GURU-GURU

IBUBAPA

MURID-MURID

KOMUNITI  
SETEMPAT

NGO

MEDIA

## TIPS

Guru dan murid-murid LLC bebas untuk menentukan aktiviti apa yang dapat dilakukan tetapi mestilah berkonsepkan amalan pengurusan sisa dan sampah yang lestari



# AKTIVITI PENGUKUHAN PENGETAHUAN





# SERTAI KUIZ PENCEMARAN

Sejauh manakah anda benar-benar tahu tentang pencemaran? Ikuti Kuiz Litter Less untuk menguji pengetahuan tentang pengurusan sisa dan kesan negatif sampah



<https://www.fee.global/litterlessplus-quiz>



## 1. Pencemaran Planet Kita : Berapa banyak yang anda tahu?

Sasaran: Sekolah Rendah dan Menengah

## 2. Pencemaran dan Pelancongan: Apa Hubungannya?

Sasaran: Sekolah Menengah

How much plastic waste do we produce globally each year?



▲ 50 million tonnes


◆ 150 million tonnes

● 800 million tonnes

■ 400 million tonnes



# IKUTI WEBINAR



Sertai seminar dalam talian untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian bagi mencegah atau mengurangkan pelbagai jenis pencemaran sama ada yang dapat dilihat dan tidak dapat dilihat. Setiap webinar akan mempunyai fokus yang berbeza dan merangkumi pelbagai cabaran dan penyelesaian yang berkaitan dengan pencemaran

## ACTING AGAINST POLLUTION



**FEE**

**WEBINAR SERIES**

JOIN US FOR A SERIES OF FIVE WEBINARS  
FOCUSING ON SOLUTIONS PREVENTING OR REDUCING  
DIFFERENT TYPES OF VISIBLE AND INVISIBLE POLLUTION

<p style="font-size: 2em; color: green;"><b>28</b></p> <p style="font-size: 1.2em; color: green;">FEBRUARY</p> <p style="font-size: 0.8em;">2.00-3.30PM</p>	<p style="color: green; font-weight: bold;">ENVIRONMENTALLY FRIENDLY TEXTILES</p> <p style="font-size: 0.8em; color: green;">THE IMPORTANCE OF SUSTAINABLE TEXTILE SOURCING IN THE HOSPITALITY INDUSTRY</p>
<p style="font-size: 2em; color: green;"><b>23</b></p> <p style="font-size: 1.2em; color: green;">MARCH</p> <p style="font-size: 0.8em;">2.00-3.30PM</p>	<p style="color: green; font-weight: bold;">WATER GOVERNANCE ACROSS SECTORS</p> <p style="font-size: 0.8em; color: green;">HOW PRIVATE ACTORS, PUBLIC AUTHORITIES AND CIVIL SOCIETY COOPERATE TO PROTECT AQUATIC ECOSYSTEM</p>
<p style="font-size: 2em; color: green;"><b>02</b></p> <p style="font-size: 1.2em; color: green;">MAY</p> <p style="font-size: 0.8em;">2.00-3.30PM</p>	<p style="color: green; font-weight: bold;">CIRCULAR ECONOMY IN TOURISM</p> <p style="font-size: 0.8em; color: green;">APPLYING THE CIRCULAR ECONOMY MODEL FOR A SUSTAINABLE AND FUTURE-ORIENTED INDUSTRY</p>
<p style="font-size: 2em; color: green;"><b>25</b></p> <p style="font-size: 1.2em; color: green;">MAY</p> <p style="font-size: 0.8em;">2.00-3.30PM</p>	<p style="color: green; font-weight: bold;">RESPONSIBLE CONSUMPTION</p> <p style="font-size: 0.8em; color: green;">HOW THE TOURISM INDUSTRY IS RETHINKING ITS SERVICES TO OFFER ECO-CONSCIOUS ALTERNATIVES</p>
<p style="font-size: 2em; color: green;"><b>29</b></p> <p style="font-size: 1.2em; color: green;">JUNE</p> <p style="font-size: 0.8em;">2.00-3.30PM</p>	<p style="color: green; font-weight: bold;">RESPONSIBLE STAKEHOLDERS</p> <p style="font-size: 0.8em; color: green;">HOW EVERY ACTOR IN THE MARINE ENVIRONMENT CAN CONTRIBUTE TO POLLUTION PREVENTION AND REDUCTION</p>

Daftar melalui aplikasi  
Zoom di laman  
[webhttps://www.fee.global  
/litterlessplus-webinars](https://www.fee.global/litterlessplus-webinars)

# WASTE AND LITTER LESSON PLAN

Boleh dijadikan pendidikan formal atau tidak formal. Guru boleh menggunakan "Waste & Litter Lesson Plan" untuk mendidik pelajar mengenai pengurusan sampah dan juga menjalankan aktiviti berdasarkannya. Boleh dilakukan pada hari perjumpaan kokurikulum

Dapatkan bahan bantu mengajar di pautan ini [LLC Lesson Plan](#) atau imbas QR Code berikut.

SCAN ME



Jika para guru memerlukan penterjemahan bagi Lesson Plan berikut, sila maklumkan kepada pihak YRE Malaysia

Composting?

Household waste?

Microplastic?

Litter vs Waste

E-waste?



# GLOBAL ACTION DAYS 2023




# BILA?

18 - 28 April 2023 (10 hari)

“Aktiviti merangkumi konsep 5Rs - *Refuse, Reduce, Reuse, Recycle and Repurpose*”

Terokai aktiviti menarik tahun ini dengan mendaftar untuk Global Action Days 2023!

**DAFTAR SEKARANG!**












🔍 <https://www.fee.global/register-here> ✕





# PERTANDINGAN KEWARTAWANAN YRE



# PERTANDINGAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Hasil karya jurnalistik yang dapat dihasilkan sepanjang kempen layak untuk pertandingan YRE peringkat kebangsaan.

## TEMA UTAMA



Sampah dan sisa



Pencemaran

### Pertandingan Penulisan Artikel




- Written Article

### Pertandingan Fotografi



- Single Photo Reportage
- Single Photo Campaign
- Photo Story (3-5 photos)

### Pertandingan Videografi



- Single Reportage Video
- Environmental Campaign Video

## KATEGORI UMUR



# DETAIL OF THE COMPETITIONS

## **WRITTEN ARTICLE**

---

Tell a story about a problem your community or the world is facing and share it to the public locally and internationally. It aims to tell a true and accurate story through an environmental perspective.

## **SINGLE PHOTO REPORTAGE**

---

Tell the story of the participants by using one (1) photo through the lens or perspective of the environment honestly and accurately. The photo should cover the reality of a situation, event or issue and be free from prejudice and not manipulated.

## **SINGLE PHOTO CAMPAIGN**

---

It aim to raise awareness of one or more environmental concerns, promote certain values, and/or motivate positive action through the lens or environmental perspective of one (1) photograph. The photo's subject can be modified in order to convey a creative and clear message to the audience.

## **PHOTO STORY (3-5 PHOTO)**

---

The purpose of 'Photo Story (3-5 Photographs)' is to tell the story of the participants through a series of photographs to help the audience better understand the problem, event or phenomenon of the environment. Similar to news reports, the environmental issues that participants wanted to convey were aimed at telling a true and accurate story through a series of photos clearly.

## **SINGLE REPORTAGE VIDEO**

---

'Reportage Video', acts as a mini documentary based on news, events, history, facts and more. The video produced should use the correct elements of observation, research, interviews and documentation.

## **ENVIRONMENTAL CAMPAIGN VIDEO**

---

'Environmental Campaign Video' aims to raise awareness of an issue through an environmental lens or perspective, promote certain values, and/or inspire positive action through video. The story of a video campaign can be modified with the aim of sending a message that can be clearly understood by the audience.

